

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Hak kesihatan perlu dinikmati sama rata

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menegaskan, hak kepada kesihatan harus dinikmati oleh setiap pihak tanpa mengira status atau perbezaan dan diskriminasi.

Perdana Menteri berkata demikian sempena Hari Kesihatan Sedunia hari ini, yang bertemakan 'Kesihatan untuk Semua' (*Health for All*).

Katanya, tema dipilih itu juga selaras nilai dan prinsip Malaysia Madani kerana kerajaan mengiktiraf hak untuk kesihatan sebagai hak asasi manusia yang penting bagi mencapai kehidupan yang bermaruah.

"Hak untuk kesihatan ini seharusnya dinikmati setiap orang secara saksama tanpa mengira status atau sebarang perbezaan dan diskriminasi," katanya di Facebook, di sini semalam.

Anwar berkata, beliau juga komited untuk memacu pelaksanaan agenda 'Kesihatan untuk Semua' selari penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke-75.

"7 April 2023 juga adalah ulang tahun ke-75 WHO. Justeru, sambutan Hari Kesihatan Sedunia ini turut mempamerkan perkongsian serta kerjasama erat antara kerajaan Malaysia dan WHO yang terjalin sejak 65 tahun lalu.

"Saya mengulangi komitmen kerajaan untuk memacu pelaksanaan agenda 'Kesihatan untuk Semua'. Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan WHO bagi mempromosi kesihatan, melihara kesejahteraan serta memberi perkhidmatan kepada golongan rentan agar setiap orang di mana sahaja boleh mencapai tahap kesihatan dan kesejahteraan tertinggi," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

9,152 calon Pegawai Perubatan dipanggil temu duga

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sudah memanggil 9,152 calon untuk ditemu duga bagi mengisi 4,914 kekosongan jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43, Pegawai Perubatan Gred UG41 dan Pegawai Farmasi Gred UF41.

SPA dalam kenyataan semalam, berkata sesi temu duga itu dilaksanakan sejak 1 hingga 22 Mac lalu dan senarai nama calon untuk ditemu duga Kementerian Kesihatan (KKM) juga sudah dihantar untuk semakan terperinci bagi memastikan semua calon dilantik memenuhi syarat khusus yang ditetapkan.

"Untuk urusan pelantikan tetap bagi tahun ini, seramai 4,914 calon akan dilantik tetap berdasarkan kekosongan sedia ada. Baki calon yang memenuhi syarat khusus KKM tetapi tidak ditawarkan lantikan tetap pada sesi pengambilan kali ini akan dijadikan calon simpanan.

"Sekiranya terdapat kekosongan jawatan pada masa hadapan, calon simpanan ini akan dilantik sebagai tetap, manakala calon yang tidak memenuhi syarat khusus tidak akan dilantik.

"Keputusan temu duga dijadualkan pada 17 April ini menerusi e-mel, hebahkan di portal rasmi dan Facebook SPA. Bagi surat tawaran pelantikan tetap melalui Sistem Tawaran Pelantikan (MySTP) pula akan dikeluarkan pada 2 Mei ini.

"Calon perlu membuat persetujuan penerimaan tawaran dalam tempoh 14 hari dan melengkapkan semua dokumen yang dikehendaki," katanya.

Mengenai calon yang dipanggil untuk temu duga, SPA berkata, sebanyak 7,063 calon dipanggil bagi mengisi 4,263 jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43, bagaimanapun daripada jumlah itu hanya 6,413 calon hadir untuk ditemu duga.

Selain itu, sebanyak 335 kekosongan jawatan bagi Pegawai Perubatan Gred UG41 dengan 619 dipanggil untuk temu duga, namun yang hadir adalah sebanyak 554 calon.

Bagi jawatan Pegawai Farmasi Gred UF41, terdapat 316 jawatan untuk diisi dengan 1,470 calon dipanggil untuk temu duga, namun 1,226 calon yang hadir.

Mengulas mengenai syarat oleh KKM, SPA memaklumkan calon mestilah mengikuti syarat ditetapkan termasuk sudah dilantik kontrak (*Contract of Service*) di KKM berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016 serta sudah menamatkan latihan siswazah di dalam atau di luar negara.

Keluarkan nikotin daripada Akta Racun langkah mundur

Negara jiran ambil pendekatan haramkan penggunaan vape untuk lindungi rakyat

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Langkah kerajaan mengeluarkan nikotin daripada senarai Akta Racun 1952 dianggap mundur berbanding negara jiran yang mengambil pendekatan mengharamkan sepenuhnya penggunaan vape.

Wakil Gerakan Penuntut Sarjana Kesihatan Awam Universiti Malaya, Dr Jeshua Navaraj, berkata Singapura, Thailand, Brunei dan 34 negara lain mengharamkan sepenuhnya penggunaan vape bagi melindungi rakyatnya, terutama generasi muda daripada ketagihan nikotin.

Katanya, dianggarkan enam

juta kematian berlaku di seluruh dunia setiap tahun akibat nikotin daripada produk merokok.

"Di Malaysia sahaja, 20,000 kematian berlaku setiap tahun disebabkan oleh rokok yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan nikotin.

"Fasiliti kesihatan dalam negara dipercayai tidak mampu untuk menampung jumlah pesakit akibat pendedahan kepada nikotin," katanya pada sidang media berkaitan isu pengecualian cecair dan gel nikotin daripada Akta Racun 1952 di Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), semalam.

Sokong nasihat pakar

Sehubungan itu, pihaknya menyokong nasihat pakar Lembaga Racun yang sebulat suara tidak bersetuju dengan tindakan berkenaan yang sekali gus menengancam nyawa dan keselamatan seluruh rakyat terutama kanak-kanak dan remaja.

"Kami juga mendesak supaya Rang Undang-Undang (RUU) untuk kawalan produk merokok dan vape serta peruntukan Generational End Game (GEG) dibentangkan dan diluluskan secepat mungkin," katanya.



Dianggarkan enam juta kematian berlaku di seluruh dunia setiap tahun akibat nikotin daripada produk merokok.

(Foto hiasan)

Sementara itu, Penggerak Penuntut Sarjana Kesihatan Awam UM, Dr Chin Yu Aun, berkata, pihaknya sudah memulakan petisyen sejak 5 April lalu di media sosial seperti Facebook untuk mendapatkan pembabit orang awam berhubung isu ini.

"Kami cuba untuk menggalakkan generasi muda supaya dapat memberi pandangan mereka dalam isu ini," katanya.

Sebelum ini media melaporkan, kerajaan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk e-rokok pada kadar 40 sen setiap ml.

Warta dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa menyatakan, tampalan, cecair dan gel nikotin untuk membantu menghentikan tabiat merokok kini dikesualikan daripada Akta Racun 1952.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Beban doktor kontrak berdepan risiko kemalangan

Gadai kesihatan, nyawa rawat pesakit

Oleh MARLIA ZAKARIA

PETALING JAYA - Rata-rata doktor kontrak atau pegawai perubatan (MO) berdepan risiko kemalangan selepas menghadapi beban kerja yang berat dan tidak setimpal dengan elaun 'on-call' RM9 sejam.

Seorang pegawai perubatan kontrak di sebuah hospital kerajaan dikenali sebagai Dr. Sam-sul berkata, dengan beban kerja yang berat dan waktu kerja lebih 24 jam sehari, jumlah elaun itu tidak berbaloi dengan nilai nyawa sendiri yang perlu 'digadai'.

"Tidak berbaloi kalau diikutkan, doktor terpaksa korban kesihatan sendiri untuk merawat orang lain. Kami berdepan waktu kerja yang panjang menyebabkan tak cukup tidur dan makan tak tentu masa.

"Semua ni boleh merisikokan kami post call (waktu selepas



KERATAN Kosmo! semalam.

melakukan on call) kemalangan sebab *microsleep*," katanya.

Sementara itu, seorang lagi doktor kontrak dikenali Dr. Yazid mencadangkan, supaya semua doktor kontrak diberi manfaat atau faedah yang sama dengan pegawai berjawatan tetap.

"Kalau di jabatan kecemasan kami kerja ikut syif, 7 atau 10 jam (syif berganda 14 jam), kurang berbanding 'on-call' di jabatan lain.

"Saya berpendapat kalau masih kontrak tetapi faedah yang diterima sama seperti pegawai

tetap, masih boleh diterima akal.

"Selain tu saya rasa perlu ada panduan jelas untuk diserap ke jawatan tetap supaya semua yang diserap tu boleh berfungsi dengan bagus," katanya.

Selain itu, beliau turut mengulas tentang sasaran kerajaan untuk menyerap baki pegawai kontrak ke jawatan tetap dalam tempoh tiga tahun lagi.

"Tunggu dan lihat. Selagi tiada hitam dan putih, selagi tu tak boleh percaya," katanya ringkas.

Semalam, *Kosmo!* melaporkan, kadar elaun 'on-call' RM9 sejam yang diterima pegawai perubatan di hospital kerajaan dianggap tidak setimpal dengan bebanan kerja yang ditanggung.

Malah, bayaran elaun itu adalah lebih rendah, berbanding 'upah' diterima pekerja sambilan di rangkaian restoran minuman kopi premium.



GAMBAR bertarikh 3 April 2023 menunjukkan suasana di Lobi Utama Hospital Kuala Lumpur (HKL) masih beroperasi seperti biasa walaupun ada kebimbangan mengenai mogok doktor kontrak.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

KKM tidak pernah menyokong organisasi, individu terlibat aktiviti itu

Jual beli organ bercanggah etika

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menekankan bahawa sebarang dakwaan mengenai wujudnya aktiviti jual beli organ di negara ini perlu dianggap amat serius.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, aktiviti itu dilihat satu eksploitasi terhadap golongan tertentu dan bercanggah dengan etika perubatan.

Beliau berkata, sebarang tuntutan mengenai kewujudan aktiviti berkaitan penjualan organ hendaklah diambil serius oleh semua pihak.

"Konsisten dengan kewajipan negara dan antarabangsa, KKM tidak menyokong mana-mana individu atau organisasi yang terlibat di dalam aktiviti perolehan organ secara haram dan tidak beretika.

"Dalam perkara ini, KKM akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa siasatan sekiranya diperlukan," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Katanya, jika terdapat akti-



PENDERMAAN organ di negara ini dikawal selia oleh Jawatankuasa transplantasi KKM. – AFP

viti melibatkan pemerdagangan orang untuk tujuan jual beli organ, ianya perlu disiasat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Dr. Noor Hisham berkata, sekiranya mana-mana individu atau kumpulan yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti ini, mereka boleh tampil ke KKM atau pihak polis untuk me-

nangani perkara ini.

Menurutnya, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan jika pemerdagangan orang berlaku untuk tujuan pengalihan organ secara haram.

"Dasar KKM jelas sebagaimana dalam Akta Tisu Manusia 1974 yang mengawal selia aktiviti pengambilan organ bagi tujuan perawatan daripada penderma selepas kematian (kadaverik).

"Malaysia juga telah menandatangani *The Declaration of Istanbul on Organ Trafficking and Transplant Tourism* (2008) yang menyatakan bahawa organ untuk transplantasi harus diagih secara saksama kepada penerima sesuai tanpa mengenal jantina, etnik, agama dan status sosial serta kewangan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, KKM juga menubuhkan jawatankuasa transplantasi berfungsi mengawal selia program pendermaan organ dalam kalangan penderma semasa hidup melibatkan pasangan bakal penderma-penerima yang tidak mempunyai kaitan keluarga.

"Jawatankuasa ini akan menilai dengan teliti pelbagai aspek termasuk latar belakang masalah perubatan, kesihatan mental dan juga tahap sosioekonomi untuk semua permohonan pembedahan transplantasi," katanya.



CONTOH produk Evusheld yang diluluskan oleh negara Sweden bagi rawatan Covid-19. – AFP

KKM lulus produk Evusheld bagi rawatan Covid-19

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersetuju memberikan kelulusan tambahan indikasi rawatan Covid-19 kepada produk Evusheld bagi kegunaan dewasa dan remaja berumur 12 tahun ke atas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kelulusan itu diberikan menerusi Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-383 yang bersidang pada 6 April 2023.

"KKM bersetuju memberikan kelulusan tambahan indikasi rawatan Covid-19 bagi kegunaan golongan dewasa dan remaja berumur 12 tahun ke atas dengan berat sekurang-kurangnya 40 kilogram.

"Ia termasuk meningkatkan dos produk untuk kegunaan pencegahan prapendedahan (pre-exposure prophylaxis) kepada produk berdaftar Evusheld 100 mg/mL Solution For Injection (MAL22056042ACRZ) (Tixagevimab 100 mg/mL and Cilgavimab 100 mg/mL)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, Pencegahan Prapendedahan Evusheld digunakan sebagai pencegahan prapendedahan kepada Covid-19 dan individu berkemungkinan tidak memperoleh tindak balas imun mencukupi terhadap vaksinasi.

"Evusheld digunakan untuk merawat pesakit Covid-19 tiada gejala teruk," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

KKM tidak sokong perolehan organ secara haram

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menyokong mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti perolehan organ secara haram dan tidak beretika.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dakwaan mengenai kewujudan aktiviti jual beli organ di negara ini perlu dianggap amat serius oleh semua pihak.

"Ia merupakan eksploitasi terhadap golongan tertentu dan bercanggah dengan etika perubatan," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, jika terdapat aktiviti melibatkan peredaran manusia untuk tujuan jual beli organ, ia perlu disiasat di bawah Akta Anti-perdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran 2007.

"KKM akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa siasatan sekiranya diperlukan," katanya.

Beliau berkata, perkhidmatan pendermaan organ dan transplantasi adalah melibatkan penderma hidup atau selepas kematian (kadaverik) serta penerima organ iaitu pesakit yang tiada masalah kegagalan organ sama ada buah pinggang, hepar, jantung ataupun paru-paru.

"Dasar KKM ini jelas sebagaimana dalam Akta Tisu Manusia 1974 yang mengawal selia aktiviti pengambilan organ bagi tujuan perawatan daripada penderma kadaverik," ujarnya.

Dr Noor Hisham berkata, bagi memperketat lagi tadbir urus perkhidmatan transplantasi di negara ini, kementerian menubuhkan jawatankuasa transplantasi yang mengawal selia program pendermaan organ dalam kalangan penderma semasa hidup melibatkan pasangan bakal pen-

derma penerima yang tidak mempunyai perkaitan keluarga ataupun melibatkan pasangan bakal penderma-penerima bukan warganegara.

Tambah beliau, jawatankuasa itu menilai dengan teliti pelbagai aspek termasuk latar belakang masalah perubatan, kesihatan mental dan tahap sosioekonomi untuk semua permohonan pembedahan transplantasi bagi memastikan bakal penderma mempunyai sistem sokongan yang baik serta secara amnya tidak terjejas selepas pembedahan dilakukan.

"Pembentukan tadbir urus perkhidmatan yang kemas adalah sangat penting bagi melindungi hak bakal penderma dan memastikan pendermaan organ tidak melibatkan sebarang paksaan ataupun mempunyai unsur peredaran manusia," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pendermaan organ dan transplantasi, kementerian bekerjasama dengan badan-badan dan organisasi berkaitan bagi meningkatkan kesedaran awam serta pendidikan ke arah pendermaan organ yang beretika.

"KKM menyeru kepada seluruh rakyat agar cakna dan berikrar sebagai penderma organ seterusnya memaklumkan hasrat itu kepada ahli keluarga bagi menjayakan perkhidmatan transplantasi yang beretika," katanya.

Isnin lalu, Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal menerusi sidang akhbar di lobi Parlimen berkata, ada (individu) yang menjual buah pinggang bagi meneruskan kelangsungan hidup berikutan pengeluaran bersasar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak dibenarkan kerajaan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

SOCIAL GATHERINGS

Experts warn of spike in Covid cases after Hari Raya

KUALA LUMPUR: Health experts have cautioned about a continuous spike in Covid-19 cases after the Hari Raya celebration, following the increase in new infections in the country recently.

Universiti Putra Malaysia's Virologist Associate Professor Dr Chee Hui Yee said human movement in social settings like family gatherings was among the major factors that would contribute to the spike in cases after Raya.

"The spike in cases (after Raya) will be (mainly) due to human movement and family members getting together.

"As the wearing of face masks is no longer mandatory, Covid-19 variants, such as the Omicron subvariant XBB.1.5, could be more transmissible (during this period)," she told the *New Straits Times*.

She said the country saw an

increase in cases due to the re-opening of schools, large crowds in Ramadan bazaars and the Qing Ming festival.

"Hence, please wear a face mask in crowded places, test yourself if you have symptoms and quarantine if you are tested positive."

On April 7, Malaysia logged 559 new Covid-19 infections, bringing the country's cumulative caseload to 5,052,337 cases.

In the epidemiological update for the 13th week of 2023, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the number of new cases increased by 37.7 per cent last week to 3,069 cases from the 2,228 cases recorded previously.

He said the number of patients hospitalised under categories one and two increased by 80 per cent from the previous week, while the number of patient ad-

missions involving categories three and four went up to 33.3 per cent.

Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh said the significant increase in Covid-19 infections was due to the relaxed standard operating procedures (SOPs) implemented for the last couple of months.

He said the rise in cases was also due to the lack of Covid-19 awareness efforts by the media, particularly on how the virus had affected people globally.

"The relaxation of SOPs has made people think that the Covid-19 pandemic is no longer there (in the community).

"For these reasons, people start to be unconcerned when going to public places without wearing their face masks or even washing and sanitising their hands.

"What they (also) fail to understand is that the virus is still around, but it might be in a milder form," he said.

Meanwhile, checks by the NST on several pharmacies in the Klang Valley revealed that there

was no shortage of medicines despite public concerns on panic buying for Covid-19 essential items.

A pharmacist in Seri Kembangan, who wished to be known as Ng, told the NST that there was no issue for the pharmacy to get a hold of medical stockpile and Covid-19 test kits.

"So far, we have had no issue. Everything has been going smoothly on the stocking up of medicine, such as paracetamol and sore throat medicine from suppliers," she said.



People buying items for Hari Raya Aidilfitri at the Ramadan bazaar in Jalan Tunku Abdul Rahman in Kuala Lumpur on April 1. PIC BY AIZUDDIN SAAD. (inset) Associate Professor Dr Chee Hui Yee

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, SATURDAY 8 APRIL 2023

Take claims of organ trade seriously

Clear guidelines for managing transplants important, says Health DG

KUALA LUMPUR: Any claim on the existence of the sale and purchase of human organs in this country must be taken seriously by all parties because it is an exploitation of certain groups and is against medical ethics.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said should there be human trafficking for the purpose of marketing human organs, it must be investigated under the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007.

"The authorities may use existing provisions under the Act to take action against any party or individual, if trafficking in persons is for the purpose of illegal organ removal," he said in a statement

yesterday, Bernama reported.

Dr Noor Hisham said organ donation and transplant services in this country involve organ donation from living or cadaveric (deceased) donors, while the recipients are patients with organ failure problems, involving the kidney, liver, heart or lungs.

He added that the Health Ministry's policies and procedures are clearly stated in the Human Tissues Act 1974, which regulates the harvesting of organs from cadaveric donors.

Malaysia, he added, has also signed the Declaration of Istanbul on Organ Trafficking and Transplant Tourism (2008) which states that organs for transplant must be distributed equitably to

suitable recipients regardless of gender, ethnicity, religion, social or financial status.

According to Dr Noor Hisham, the declaration emphasises that the practice of targeting impoverished or vulnerable organ donors must be prohibited because this is seen as brokering for the purpose of transplant commercialism, organ trafficking or transplant tourism.

"To tighten clinical governance of organ transplants in this country, the ministry has established a transplantation committee that regulates the organ donation programme among living donors involving the prospective donor and prospective recipient who are not related or donors and

recipients who are non-citizens," he said.

He also said the committee evaluates various aspects including the transplant surgery applicants' background, medical problems, mental health and socioeconomic level to ensure that the prospective donors have a good support system following surgery.

"It is important to have clear guidelines in managing organ transplant to protect the rights of prospective donors and ensure that organ donation does not involve any coercion or have elements of trafficking.

"Consistent with national and international obligations, the ministry does not support any individual or organisation that is

involved in illegal and unethical organ procurement and will cooperate with the authorities in their investigations, if necessary," he said.

Dr Noor Hisham advised the public who have pledged to be organ donors to inform their family members of their wish, to ensure the success of organ and tissue transplantation in this country.

His statement follows a recent claim by Machang MP Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal that desperate people were selling their kidneys as Perikatan Nasional stepped up pressure on the government to allow another round of Employees Provident Fund withdrawals.

Fayhsal: People are desperate, that was my point

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Information about people's willingness to sell their kidneys for money was derived from posts by the public on the Facebook groups of those pushing for another round of Employees Provident Fund (EPF) withdrawal, said Machang MP Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

He also said he wished to clarify that his statement in Parliament on April 3 did not mean he condoned or encouraged organ trading.

"I merely aired the grievances of those who are really affected and need EPF withdrawals.

"As to whether their claims are true or not, it's up to the authorities to investigate and validate their need for the withdrawals.

"On the statement I made in Parliament that there were people willing to sell their organs to make ends meet, I had gone through the messages posted on groups seeking EPF withdrawals on Facebook.

"I did not mean anyone specifically but I was stating in general that there might be people who were desperate," Wan Ahmad

Fayhsal said when contacted yesterday.

His remarks in Parliament courted much flak among medical practitioners and politicians.

"In no way do I support or condone selling organs as it is illegal, and those who accused me of doing so have politicised the matter.

"I will issue an official clarification on the matter and apologise if I was misunderstood.

"I, however, stand by my statement that the rakyat are desperate and might even resort to illegal activities just to pay off their debts if EPF withdrawals are not

allowed," Wan Ahmad Fayhsal added.

Politicians from the ruling parties have challenged him to lodge a police report to prove his claim that there were people willing to sell their organs if they could not withdraw their EPF savings.

A check on the FB group KWSP 2.0. #Bersasar showed some asking for targeted EPF withdrawals to pay for dialysis treatments.

One showed a man holding up a placard by the roadside stating his willingness to part with his organs.

Organ trading is illegal in Malaysia.